



# SIARAN MEDIA

---

## KERAJAAN SEDIA HADAPI CUACA PANAS DAN KERING FASA AKHIR MONSUN TIMUR LAUT

---

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan (JIJCKK) Bil. 1 Tahun 2025 telah diadakan pada 5 Mac 2025 di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Kuala Lumpur dan dipengerusikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Mesyuarat tahunan ini diadakan bagi meneliti keadaan cuaca semasa dan akan datang, melaporkan status kualiti udara dan kejadian pembakaran terbuka serta tindakan-tindakan yang diambil oleh semua Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri bagi mencegah pembakaran terbuka dan jerebu.

Pada masa ini, negara berada dalam fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada pertengahan Mac 2025. Dalam tempoh ini, taburan hujan akan berkurangan di kebanyakan tempat terutamanya di kawasan Utara Semenanjung Malaysia yang boleh menyebabkan cuaca lebih panas dan kering berbanding biasa.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa bersedia dalam menghadapi situasi cuaca panas dan kering. Melalui Mesyuarat JIJCKK Bil. 1 Tahun 2025, terdapat beberapa perkara yang telah dipersetujui antaranya:

- (i) Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri perlu mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan dan melaksanakan pemantauan secara berterusan di bawah bidang kuasa dan fungsi masing-masing bagi mengekang pembakaran terbuka, jerebu dan kejadian kebakaran berulang;
- (ii) Semua pihak perlu sentiasa peka dengan perubahan cuaca dan kualiti udara negara melalui maklumat yang boleh dicapai daripada aplikasi myCuaca dan laman web rasmi MET Malaysia, aplikasi MyIPU dan portal APIMS JAS;
- (iii) Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri perlu peka dan sentiasa bersedia untuk mengambil tindakan selaras dengan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan;
- (iv) Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri perlu memastikan kesiapsiagaan infrastruktur tanah gambut dan jentera berkaitan bagi memastikan sebarang insiden kebakaran dapat dipadamkan dengan segera; dan
- (v) Kerajaan Negeri perlu memantau dan melaksanakan pencegahan kebakaran tanah gambut yang dimiliki di negeri masing-masing. Kerajaan Negeri turut diseru untuk membangunkan infrastruktur tanah gambut di kawasan berisiko terbakar seiring usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan pada masa ini.

Cuaca panas ketika ini diramal tidak seteruk tahun 2024 disebabkan pengaruh *La Niña* lemah yang menyebabkan cuaca sedikit lembap. Namun, jerebu tempatan masih boleh berlaku sekiranya insiden pembakaran terbuka tidak dikawal.

Negara juga akan berhadapan dengan Monsun Barat Daya yang membawa cuaca yang panas dan kering sekitar bulan Mei hingga September tahun ini. Berdasarkan ramalan MET Malaysia, akan berlaku pengurangan hujan antara 20% hingga 40% berbanding keadaan biasa di Utara, Pantai Barat dan Timur Sabah pada bulan Mac 2025 dan di Barat Sarawak pada bulan April 2025. Negara dijangka akan menerima taburan hujan pada paras normal pada bulan Julai dan Ogos 2025.

Berdasarkan statistik aduan pembakaran terbuka daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi tempoh 1 Januari hingga 24 Februari 2025, daripada 1,147 aduan, pembakaran sampah-sarap merupakan aduan tertinggi yang diterima iaitu 619 kes.

Justeru, melalui mesyuarat ini telah dibincangkan supaya semua pihak turut sama memainkan peranan penting dalam pencegahan pembakaran terbuka yang boleh menyebabkan kemerosotan kualiti udara negara dan impak negatif kepada kesihatan awam. Mesyuarat juga telah membincangkan insiden kebakaran berskala besar dan jerebu tempatan yang berlaku untuk diberikan perhatian dan sokongan daripada pelbagai agensi sebagaimana insiden banjir.

Di peringkat ASEAN, Malaysia akan menjadi tuan rumah dan saya akan mempengerusikan Mesyuarat Ke-18 Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN yang akan diadakan secara berturutan dengan Mesyuarat Ke-20 *Conference of Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP)* pada 1 hingga 5 September 2025 di Langkawi, Kedah.

Selaras dengan kepengerusian ASEAN 2025, Kerajaan akan meneroka peluang mengetengahkan beberapa strategi dalam menambah baik pelaksanaan Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan (AATHP). Kerajaan juga akan terus meneroka peluang kerjasama dua hala bersama Indonesia bagi mengatasi masalah ini.

Susulan cuaca panas dan kering ketika ini, semua pihak diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka dan membiarkan tanah atau premis diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau secara tidak sengaja.

Tindakan tegas akan diambil kepada pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan pembakaran terbuka termasuk pemilik tanah. Jika disabit kesalahan di bawah Seksyen 29(A) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pesalah boleh dikenakan denda minimum RM25,000 hingga denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun juga boleh dikenakan tidak melebihi 50% denda maksimum bagi setiap kesalahan.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES) 7 MAC 2025**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

